

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SEMINAR PENTADBIR PROFESIONAL**  
**23 JANUARI 2018**  
**DI DEWAN SERBAGUNA,KAMPUS KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Negaraku Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis

Yang Berbahagia Timbalan- Timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

**Yang Berusaha En. Rusdi Puteh, Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (POTENSI), UniMAP**

Seterusnya ahli-Ahli Jawatankuasa POTENSI yang dihormati dan dikasihi sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Azza Wajalla kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul di pagi yang berbahagia ini dalam Seminar Pentadbir Profesional. Terlebih dulu setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (POTENSI), UniMAP yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran program ini berjalan dengan lancar.

2. Saya difahamkan, seminar kali ini merupakan anjuran kali keempat POTENSI dalam usaha menambahbaik sistem pentadbiran di UniMAP
3. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang turut hadir bagi menjayakan program pada hari ini.
4. Apa yang saya dapat lihat, dengan komitmen yang diberikan ini menunjukkan bahawa ahli-ahli POTENSI amat prihatin serta komited dalam menambah baik prestasi untuk menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita. Semoga segala usaha kita mendapat keberkatan dan keredhaanNya jua.

Hadirin dan hadirat sekalian

#### **Industri 4.0**

5. Seperti yang telah kita sedia maklum,dalam era yang semakin maju ini, kita semua dituntut supaya lebih kreatif dan inovatif bagi terus kekal relevan dalam keadaan semasa. Saya yakin kita semua mampu memberikan yang terbaik kepada organisasi, masyarakat dan negara, jika kita lebih memahami keperluan dalam menghadapi cabaran yang bakal mendarang.
6. Ini kerana pada masa ini, kebanyakan universiti mempunyai pelajar Generasi-Z, yang mana dilahirkan antara tahun 1995 dan 2005. Generasi-Z ini mengadaptasi teknologi dengan pantas, mendapat informasi segera (fast pace information), mempunyai kesedaran global yang tinggi, tagihkan hiburan, lebih extrovert, dan lebih senang dilihat dan didengari. Sememangnya, Generasi-Z ini memerlukan pendekatan baru untuk pendidikan, interaksi sosial dan persekitaran kerja.
7. Dengan cabaran-cabaran yang dibawa oleh Industri 4.0 dan sesuai dengan ciri-ciri Generasi-Z, universiti perlu melihat semula dan mengemaskini pendekatan mereka agar kekal relevan. Pada masa ini, terdapat beberapa cadangan supaya universiti mengemaskini

pendekatan mereka, mungkin juga Universiti 4.0, Pendidikan 4.0, atau Pembelajaran 4.0.

8. Cabaran Industri 4.0 ini bersesuaian dengan lonjakan ke- 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, iaitu inovasi ekosistem. Kesemua perancangan, operasi, proses dan program akademik UniMAP dirancang dan disusun agar sejajar dengan Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia ini, dan kami berada dalam kedudukan yang baik untuk mengatasi cabaran Industri 4.0.

#### Hadirin dan hadirat sekalian

9. , UniMAP telah dianugerahkan status autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2016. Status ini membolehkan kita untuk mentadbir diri dalam 4 bidang utama - tadbir urus institusi, penjanaan kewangan & pendapatan, sumber manusia & pengurusan akademik, dan pendaftaran pelajar.
10. Status autonomi adalah penting kerana ia membolehkan kita menjadi responsif dan berdaya tahan dalam ekosistem kita, terutamanya dalam era Industri 4.0.
11. Oleh itu, kita melancarkan pelan strategik 2025, yang memberi tumpuan kepada usaha mewujudkan perkongsian dan memangkin perkembangan universiti. Pelan ini mempunyai 4 teras utama, pengajaran berteras inovasi, penyelidikan translasi, penciptaan kekayaan dan lulusan sesuai industri. Pelan strategik ini akan memberikan arahan atau panduan yang jelas dengan matlamat yang nyata, kearah mewujudkan sebuah universiti berteraskan Industri 4.0.
12. Ini menunjukkan kita tidak mahu ketinggalan dari revolusi industri 4.0 ini. Oleh itu, saya berharap semua pentadbir dapat menimba seberapa banyak ilmu bagi menerokai seberapa banyak ilmu yang boleh dimanfaat kepada universiti. Jangan setakat hanya terikat dengan keadaan selesa kita diruang pejabat kita sahaja.

Hadirin dan hadirat sekalian

## **HARAPAN**

13. Saya difahamkan, pada seminar kali ini, Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, menyampaikan syarahan yang bertajuk "*Unlock the Future*". Saya berharap agar semua pentadbir dapat mengambil peluang untuk mendengar idea, dan pengalaman dari beliau dalam menguruskan sesebuah organisasi.
14. Selain itu juga hayatilah apa yang bakal diperkatakan sebagai satu peluang dan ancaman kepada anda semua dalam menghadapi sebuah revolusi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

## **PENUTUP**

15. Dalam menguruskan apa juga amanah yang diberikan, keikhlasan adalah amat penting sekali dalam melaksanakannya. Ini kerana hasil dari sebuah kerja orang yang ikhlas adalah lebih bermakna kepada semua warga UniMAP.
16. Saya percaya POTENSI mampu membantu universiti dalam menjaga kebajikan staf dan mampu membantu universiti dalam membangunkan satu tempat kerja yang lebih kondusif, melalui hasil kerja yang lebih ikhlas. Adalah diharapkan bagi semua ahli POTENSI yang bakal menerajui persatuan itu dapat meneruskan pencapaian ini, ke arah yang lebih baik.
17. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa yang telah bertungkus lumus memastikan seminar ini berjalan dengan lancar.
18. Semoga segala usaha dan niat baik yang dilaksanakan POTENSI akan menjadikan UniMAP sebagai sebuah universiti yang disegani dalam pelbagai bidang di dalam dan luar negara, Insya Allah.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.